



LEMBAGA PERINDUSTRIAN NANAS MALAYSIA
(KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI)



KENYATAAN SEBUT HARGA

Tawaran ini adalah dipelawa kepada **Kontraktor-kontraktor Tempatan** yang berdaftar dengan **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (LPIPM/CIDB)** dalam kelas dan gred pendaftaran yang berkaitan serta masih dibenarkan membuat tawaran pada masa ini bagi kerja berikut:

NO. SEBUT HARGA	TAJUK	SYARAT PENDAFTARAN	TARIKH DAN TEMPAT LAWATAN TAPAK	HARGA DOKUMEN SENASKAH
LPNM/PN9/(SK)/12/2015	Cadangan Kerja-Kerja Membina Dan Menyiapkan Bangunan Serbaguna Di Lot Tanaman Nanas Kem Syed Sirajuddin, Gemas Negeri Sembilan.	Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB) G1	29 April 2015 Jam 10.30 pagi Di Di Lot Tanaman Nanas Kem Syed Sirajuddin, Gemas Negeri Sembilan. Lawatan Tapak adalah WAJIB (Wakil kontraktor wajib menyertakan surat wakil kuasa daripada syarikat)	RM50.00

Dokumen Sebut harga boleh didapati mulai **29 April 2015 hingga 7 April 2015** pada waktu pejabat di alamat **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia Wilayah Tengah, Laman Nanas, Taman Pertanian Serdang, Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS), Ibu Pejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor** atau **Semasa Lawatan Tapak Diadakan** dengan dikenakan bayaran seperti di atas dalam bentuk **Wang Pos, Kiriman Wang atau Bank Draf** di atas nama **Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia**. Bayaran ini tidak akan dikembalikan dan pembayaran secara tunai atau cek tidak akan diterima.

Kontraktor perlu mengemukakan **Sijil Pendaftaran Asal** yang masih sah tempohnya yang dikeluarkan oleh **Lembaga Pembangunan Industri Pembinaan Malaysia (CIDB)** untuk semakan sebelum dibenarkan membeli Dokumen Sebutharga. Salinan sijil juga hendaklah disertakan untuk simpanan pejabat kami.

Wakil kontraktor yang hadir semasa lawatan tapak **wajib** menyertakan **surat wakil kuasa** daripada syarikat dan setiap individu hanya **boleh mewakili satu syarikat sahaja**.

Dokumen Sebut harga yang telah lengkap diisi hendaklah dimasukkan ke dalam sampul surat berlakri dan ditulis di sebelah atas kiri sampul No. Sebut harga **(LPNM/PN9/(SK)/12/2015)** dan hendaklah dimasukkan ke dalam Peti Sebut harga di alamat :

**Lembaga Perindustrian Nanas Malaysia
Wilayah Tengah, Laman Nanas,
Taman Pertanian Serdang,
Malaysia Agro Exposition Park Serdang (MAEPS),
Ibu Pejabat MARDI, 43400 Serdang, Selangor.**

Tarikh tutup sebelum **jam 12.00 tengahari pada 7 Mei 2015**. Sebut harga yang lewat daripada tarikh yang ditetapkan tidak akan dipertimbangkan.